



KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN



قیاتا کواغن

Penyata Kewangan 2024

PERAK MAKMUR RAKYAT SEJAHTERA



Penyata Kewangan 2024

KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

Kandungan

PERKARA	MUKA SURAT
---------	------------

LAPORAN BENDAHARI NEGERI	i-viii
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA	xi-xiv
PENYATA KEWANGAN	
• Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri	1
• Penyata Kedudukan Kewangan	3
• Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai	4
• Penyata Prestasi Kewangan	5
• Penyata Akaun Memorandum	5
• Nota Kepada Penyata Kewangan	6-23

LAMPIRAN KEPADA NOTA

Lampiran 1 - Penyata Perbelanjaan Mengurus	25-39
Lampiran 2 - Penyata Perbelanjaan Pembangunan	41-51
Lampiran 3 - Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut	53-68
Lampiran 4 - Penyata Akaun Memorandum Pelaburan	69-71
Lampiran 5 - Penyata Akaun Memorandum Hutang Awam	73-78
Lampiran 6 - Penyata Akaun Belum Terima (ABT)	79-81

LAPORAN BENDAHARI NEGERI



KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

LAPORAN BENDAHARI TAHUN 2024

Pendahuluan

Penyata Kewangan Negeri Perak dan laporannya disediakan mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Disemak 1972) dan Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia. Laporan ini bertujuan menerangkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri serta ringkasan urusniaga kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2024.

KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Prestasi Belanjawan

Belanjawan tahun 2024 telah memperuntukkan sebanyak RM1,310.00 juta bagi Perbelanjaan Mengurus. Manakala Perbelanjaan Pembangunan adalah sebanyak RM491.00 juta.

Walau bagaimanapun, bagi mencapai objektif dalam mengecilkan defisit, Kerajaan Negeri Perak telah mengambil inisiatif dengan membuat penjarangan semula peruntukan di mana peruntukan selepas dikemaskini bagi Perbelanjaan Pembangunan adalah sebanyak RM482.98 juta.

Jumlah Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan bagi tahun 2024 adalah RM1,748.16 juta, (termasuk RM439.00 juta yang dipindah dari Akaun Hasil Disatukan ke Kumpulan Wang Pembangunan), iaitu 97.50% dari peruntukan berjumlah RM1,792.98 juta. Daripada jumlah ini, Perbelanjaan Mengurus adalah sebanyak RM1,286.60 juta (termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan) manakala Perbelanjaan Pembangunan berjumlah RM461.56 juta.


Perbelanjaan Mengurus adalah terdiri dari Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Bekalan. Perbelanjaan Tanggungan adalah berjumlah RM34.56 juta, iaitu 98.19% dari jumlah peruntukan RM35.20 juta manakala Perbelanjaan Bekalan berjumlah RM1,252.04 juta (termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan), iaitu 98.21% dari jumlah peruntukan RM1,274.80 juta.

Jadual 1 menunjukkan ringkasan prestasi belanjawan Kerajaan Negeri 2024. Carta 1 pula menunjukkan Hasil dan Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2020 hingga 2024.

JADUAL 1: PRESTASI BELANJAWAN KERAJAAN NEGERI PERAK						
	2024			2023		
	Bajet RM (Juta)	Sebenar RM (Juta)	Bajet %	Bajet RM (Juta)	Sebenar RM (Juta)	Bajet %
Akaun Semasa						
Hasil	1,242.50	1,332.22	107.22	1,133.64	1,213.69	107.06
Perbelanjaan Mengurus	1,310.00	1,286.60	98.21	1,163.64	1,151.26	98.94
Lebihan / (Defisit)	(67.50)	45.62		(30.00)	62.43	
Akaun Pembangunan						
Penerimaan	482.98	486.21	100.67	395.00	395.50	100.13
Perbelanjaan	482.98	461.56	95.57	395.00	372.04	94.19
Lebihan / (Defisit)	0.00	24.65		0.00	23.46	

Carta 1

Hasil dan Perbelanjaan Mengurus 2020 hingga 2024



PERAKAUNAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kewangan

Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2024 telah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara pada 28 Februari 2025 dan Ketua Audit Negara telah memperakukan dan mengeluarkan sijil pada 22 Julai 2025.

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN


Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri menunjukkan jumlah Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga akaun Kumpulan Wang Disatukan, iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Jumlah Aset yang dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan seperti pada 31 Disember 2024 adalah sebanyak RM1,522.38 juta, berbanding tahun 2023 sebanyak RM1,452.82 juta.

Peningkatan keseluruhan Aset Kerajaan Negeri sebanyak RM69.56 juta adalah disebabkan oleh peningkatan Wang Tunai sebanyak RM49.56 juta dan peningkatan dalam jumlah Pelaburan sebanyak RM20 juta. Baki Akaun Hasil Disatukan meningkat sebanyak RM45.62 juta daripada RM625.04 juta kepada RM670.66 juta, Akaun Pinjaman Disatukan berbaki sifar manakala Akaun Amanah Disatukan meningkat sebanyak RM23.94 juta kepada RM851.72 juta berbanding RM827.78 juta pada tahun 2023. Jadual 2 menunjukkan kedudukan baki Kumpulan Wang Disatukan Negeri dan Carta 2 menunjukkan baki Kumpulan Wang Disatukan bagi tempoh 2020 hingga 2024.

JADUAL 2 : KEDUDUKAN BAKI KUMPULAN WANG DISATUKAN NEGERI				
	2024	2023	Kenaihan / (Penurunan)	Peratus %
	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)	
Akaun Hasil Disatukan	670.66	625.04	45.62	7.30
Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.00
Akaun Amanah Disatukan	851.72	827.78	23.94	2.89
Kumpulan Wang Disatukan Negeri	1,522.38	1,452.82	69.56	4.79

Carta 2

Kumpulan Wang Disatukan Bagi Tempoh 2020 hingga 2024



ASET

Wang Tunai

Baki Wang Tunai seperti pada 31 Disember 2024 berjumlah RM586.00 juta iaitu RM49.56 juta lebih tinggi berbanding RM536.44 juta pada 31 Disember 2023. Baki Wang Tunai pada 31 Disember 2024 terdiri dari Wang Tunai Dalam Tangan berjumlah RM1.30 juta dan Wang Tunai Dalam Bank sebanyak RM584.70 juta.

Pelaburan

Pelaburan bagi tahun 2024 adalah berjumlah RM936.37 juta. Pelaburan ini terdiri dari Pelaburan Saham sebanyak RM34.77 juta (3.71%) dan Pelaburan Am sebanyak RM901.60 juta (96.29%). Keseluruhan Pelaburan Am ini adalah dalam bentuk Deposit Dalam Negeri (Simpanan Tetap).

Jadual 3 menunjukkan kedudukan baki Wang Tunai dan Pelaburan tahun 2023 dan 2024.

JADUAL 3 : KEDUDUKAN WANG TUNAI DAN PELABURAN					
	2024	Peratus	2023	Kenaikan / (Penurunan)	Peratus
	RM (Juta)	%	RM (Juta)	RM (Juta)	%
Wang Tunai	586.00	38.49	536.44	49.56	9.24
Pelaburan	936.37	61.51	916.37	20.00	2.18
Jumlah Aset	1,522.37	100.00	1,452.81	69.56	4.79

KUMPULAN WANG DISATUKAN

AKAUN HASIL DISATUKAN

Hasil

Hasil Kerajaan Negeri dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Hasil Cukai terdiri daripada Cukai Langsung dan Cukai Tidak Langsung. Cukai Langsung meliputi Cukai Tanah, Cukai Keluaran Hutan, Cukai Parit dan Tali Air serta Royalti. Manakala Cukai Tidak Langsung terdiri daripada Cukai Hiburan dan Levi Pindah Milik. Hasil Bukan Cukai termasuk Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit, Bayaran Perkhidmatan, Premium, Jualan Barang, Sewaan, Faedah dan Perolehan dari Pelaburan, Denda dan Hukuman serta Sumbangan. Terimaan Bukan Hasil pula meliputi Pemberian Pelancongan, Pulangan Balik Perbelanjaan, Terimaan dari Agensi-Agensi Kerajaan yang lain serta Lain-Lain Terimaan Atau Sumbangan.

Hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2024 adalah sebanyak RM1,332.22 juta, iaitu 9.77% meningkat dari tahun 2023 yang berjumlah RM1,213.69 juta.

Pada tahun 2024, Hasil Cukai menyumbang sebanyak RM577.73 juta iaitu 43.37% daripada jumlah hasil keseluruhan dan meningkat berbanding dengan RM560.02 juta pada tahun 2023. Komponen Hasil Cukai bagi tahun 2024 terdiri dari Cukai Langsung sebanyak RM566.68 juta dan Cukai Tidak Langsung berjumlah RM11.05 juta. Cukai Tanah kekal sebagai punca utama kepada Cukai Langsung. Kutipan Cukai Tanah adalah sebanyak RM381.73 juta meningkat RM9.07 juta iaitu 2.43% lebih tinggi berbanding tahun 2023 sebanyak RM372.66. Hasil Royalti meningkat sebanyak RM15.58 juta kepada RM175.63 juta berbanding tahun 2023 berjumlah RM160.05 juta, iaitu peningkatan sebanyak 9.73%. Manakala Cukai Keluaran Hutan Utama pula berjumlah RM8.78 juta, menurun sebanyak RM5.8 juta berbanding tahun 2023 sebanyak RM14.58 juta.

Hasil Bukan Cukai pula menyumbang 39.59% kepada jumlah keseluruhan hasil negeri tahun 2024 dan meningkat kepada RM527.43 juta berbanding pungutan pada tahun 2023 berjumlah RM451.22 juta. Amaun yang dikutip di bawah komponen ini meningkat sebanyak RM76.21 juta iaitu 16.89%.


Terimaan Bukan Hasil pula memberi sumbangan sebanyak 17.04% kepada hasil keseluruhan negeri. Pungutan hasil ini meningkat sebanyak RM24.61 juta, iaitu RM227.06 juta pada tahun 2024 berbanding RM202.45 juta dalam tahun 2023.

Jadual 4 menunjukkan Hasil Kerajaan Negeri Mengikut Kategori dan Carta 3 menunjukkan Prestasi Hasil Kerajaan Negeri 2020 hingga 2024.

JADUAL 4 : HASIL KERAJAAN NEGERI MENGIKUT KATEGORI				
	2024	2023	Kenaikan / (Penurunan)	Peratus
	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)	
Hasil Cukai	577.73	560.02	17.71	3.16
Hasil Bukan Cukai	527.43	451.22	76.21	16.89
Terimaan Bukan Hasil	227.06	202.45	24.61	12.16
Jumlah Hasil	1,332.22	1,213.69	118.53	9.77

Carta 3

Prestasi Hasil Kerajaan Negeri 2020 hingga 2024



Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus tahun 2024 adalah berjumlah RM1,286.60 juta, termasuk pindahan sebanyak RM439.00 juta kepada Kumpulan Wang Pembangunan. Jumlah ini meningkat sebanyak RM135.34 juta iaitu 11.76% berbanding Perbelanjaan Mengurus tahun 2023. Sebanyak RM34.56 juta merupakan Perbelanjaan Tanggungan dan RM1,252.04 juta pula adalah Perbelanjaan Bekalan.


Perbelanjaan Emolumen meningkat sebanyak RM3.66 juta iaitu 0.88% kepada RM417.65 juta berbanding dengan RM413.99 juta bagi tahun 2023.

Bagi Perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan pula, meningkat sebanyak RM18.97 juta iaitu 6.80% kepada RM298.14 juta berbanding tahun 2023 sebanyak RM279.17 juta. Perbelanjaan di bawah kategori ini adalah untuk perbelanjaan perjalanan dan sara hidup, pengangkutan barang-barang, perhubungan dan utiliti, sewaan, bekalan bahan mentah, penyelenggaraan dan pembaikan, bekalan pejabat, penyelenggaraan dan pembaikan kecil serta lain-lain perkhidmatan.

Perbelanjaan Perolehan Aset menunjukkan penurunan sebanyak RM4.02 juta (24.28%) kepada RM12.54 juta berbanding RM16.56 juta pada tahun 2023. Sebahagian besar perbelanjaan ini adalah untuk pembelian kelengkapan dan peralatan pejabat, kenderaan dan pembaikan kenderaan serta kemudahan dan pembaikan kemudahan. Perbelanjaan di bawah Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap meningkat sebanyak RM116.57 juta kepada RM552.16 juta berbanding RM435.59 juta pada tahun 2023. Perbelanjaan Lain juga meningkat sebanyak RM0.17 juta (2.86%) kepada RM6.12 juta berbanding RM5.95 juta pada tahun 2023.


Jadual 5 menunjukkan perbandingan Perbelanjaan Mengurus untuk tahun 2024 dan 2023. Carta 4 menunjukkan peratusan komponen Perbelanjaan Mengurus tahun 2024, manakala Carta 5 pula menunjukkan Perbelanjaan Mengurus bagi tempoh 2020 hingga 2024.

Carta 4
Komponen Perbelanjaan Mengurus Tahun 2024



JADUAL 5 : PERBELANJAAN MENGURUS				
	2024	2023	Kenaikan / (Penurunan)	Peratus
	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)	%
Emolumen	417.65	413.99	3.66	0.88
Perkhidmatan dan Bekalan	298.14	279.17	18.97	6.80
Aset	12.54	16.56	(4.02)	(24.28)
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	552.16	435.59	116.57	26.76
Perbelanjaan Lain	6.12	5.95	0.17	2.86
Jumlah Perbelanjaan Mengurus	1,286.61	1,151.26	135.35	11.76

Carta 5
Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2020 hingga 2024



AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan berbaki sifar pada akhir tahun 2024.

AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan terdiri dari tiga (3) kumpulan wang iaitu Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Deposit.

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan wang ini terdiri dari Kumpulan Wang Amanah yang ditubuhkan di bawah peruntukan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 (Disemak 1972) untuk maksud tertentu. Baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2024 berjumlah RM268.85 juta, menurun berbanding tahun 2023 iaitu RM298.04 juta.

Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan ialah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan yang ditubuhkan mengikut Akta Kumpulan Wang Pembangunan untuk tujuan pembangunan ekonomi negeri. Akaun Kumpulan Wang Amanah ini mencatatkan lebih banyak sebanyak RM24.65 juta dalam tahun semasa berbanding tahun 2023 sebanyak RM23.46 juta. Baki surplus terkumpul Kumpulan Wang Amanah Pembangunan meningkat sebanyak RM24.65 juta dari RM53.94 juta kepada RM78.59 juta pada tahun 2024.

Jumlah terimaan kumpulan wang dalam tahun 2024 sebanyak RM486.21 juta terdiri dari Pindahan dari Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM439.00 juta, Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup berjumlah RM26.33 juta, Pelaksanaan Ecological Fiscal Transfer For Biodiversity Conservation (EFT) berjumlah RM10.4 juta, Pemberian Pertambahan Hasil berjumlah RM9.41 juta dan Terimaan-Terimaan Lain berjumlah RM1.07 juta termasuk Terimaan Sewa Beli Rumah Awam.


Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2024 berjumlah RM461.56 juta, iaitu 95.57% daripada peruntukan yang dipinda berjumlah RM482.98 juta. Semua perbelanjaan dibiayai secara Langsung dari peruntukan Kerajaan Negeri.

Jadual 6 menunjukkan Terimaan dan Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2024 berbanding tahun 2023. Carta 6 pula menunjukkan kedudukan Terimaan dan Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2020 hingga 2024.

JADUAL 6 : TERIMAAN DAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI				
	2024	2023	Kenaikan / (Penurunan)	Peratus
	RM (Juta)	RM (Juta)	RM (Juta)	%
TERIMAAN				
Pindahan Dari Akaun Hasil Disatukan	439.00	345.64	93.36	27.01
Pemberian Pertambahan Hasil	9.41	9.41	0.00	0.00
Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup	26.33	26.33	0.00	0.00
Terimaan Lain	11.47	14.12	(2.65)	(18.77)
Jumlah Terimaan	486.21	395.50	90.71	22.94
PERBELANJAAN				
Langsung	(461.56)	(372.04)	(89.52)	24.06
Pinjaman	0.00	0.00	0.00	0.00
Jumlah Perbelanjaan	(461.56)	(372.04)	(89.52)	24.06

Carta 6

Terimaan dan Perbelanjaan Pembangunan 2020 hingga 2024



Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan wang ini terdiri daripada Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka, Pelbagai Kumpulan Wang serta Akaun Penyelesaian. Pecahan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengikut kategori menunjukkan sebahagian besar sumbangan terdiri daripada Pelbagai Kumpulan Wang dan Akaun Pinjaman masing-masing sebanyak RM128.88 juta (67.74%) dan RM42.88 juta (22.54%). Manakala selebihnya terdiri Akaun Perniagaan sebanyak RM1.50 juta (0.79%), Kumpulan Wang Luar Jangka sebanyak RM11.00 juta (5.78%) dan Akaun Penyelesaian sebanyak RM6.00 juta (3.15%). Kumpulan wang ini berbaki kredit sebanyak RM190.26 juta dalam tahun 2024 berbanding RM244.10 juta dalam tahun 2023.

Laporan terperinci boleh dirujuk di Nota 7(a) Nota kepada Penyata Kewangan.

Akaun Kena Bayar

Pada tahun 2024, tiada tempoh Akaun Kena Bayar ditetapkan.

Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam telah ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972) bagi mengakaunkan wang amanah yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri, dan amanah khas yang tidak bercorak kumpulan wang pusingan.

Di antara akaun amanah yang terdapat di bawah kumpulan wang ini adalah Kumpulan Wang Simpanan DiRaja yang ditubuhkan di bawah Enakmen Civil List 1958. Baki peruntukan di bawah peruntukan DiRaja T01 yang tidak dibelanja dipindahkan ke dalam kumpulan wang ini. Baki dalam kumpulan wang ini juga dikeluarkan bagi menampung peruntukan yang tidak mencukupi dalam Akaun Hasil Disatukan di bawah Perbelanjaan Mengurus T01. Pada tahun 2024, baki Kumpulan Wang Amanah Awam berjumlah RM363.72 juta, berbanding RM335.35 juta pada tahun 2023.

Pada tahun 2024, terdapat satu akaun amanah penyelesaian yang baharu diwujudkan iaitu Akaun Penyelesaian Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak manakala satu (1) akaun amanah yang telah ditutup iaitu Akaun Amanah Program Latihan Teknikal.

Laporan terperinci boleh dirujuk kepada Nota 7(b).

Deposit

Deposit adalah terdiri daripada wang yang diterima khusus oleh Kerajaan Negeri bagi maksud tertentu mengikut undang-undang atau mengikut perjanjian, dan perlu dibayar balik apabila maksud berkenaan telah dicapai. Baki Deposit yang dipegang oleh Kerajaan Negeri meningkat dari RM194.38 juta pada tahun 2023 kepada RM219.15 juta pada tahun 2024.

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai

Kerajaan Negeri mencatatkan peningkatan Wang Tunai sebanyak RM49.56 juta pada tahun 2024, berikutan jumlah terimaan yang meningkat kepada RM1,379.43 juta berbanding RM1,308.12 juta pada tahun 2023. Jumlah Wang Tunai pada 31 Disember 2024 adalah sebanyak RM586.00 juta.

Jumlah terimaan sebanyak RM1,379.43 juta adalah terdiri dari Hasil yang berjumlah RM1,332.22 juta dan Terimaan Modal serta Terimaan Lain yang berjumlah RM47.21 juta. Daripada jumlah hasil tahun 2024 yang diterima, RM577.73 juta adalah daripada Hasil Cukai, RM527.43 juta merupakan Hasil Bukan Cukai dan RM227.06 juta merupakan Terimaan Bukan Hasil.

Komponen terbesar daripada jumlah bayaran Kerajaan Negeri sebanyak RM1,329.87 juta pada tahun 2024 adalah terdiri dari Perbelanjaan Mengurus iaitu RM842.40 juta (tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan), Perbelanjaan Pembangunan berjumlah RM461.56 juta, Pembelian Instrumen Kewangan berjumlah RM20.00 juta, Pembayaran Pinjaman berjumlah RM5.20 juta yang merupakan Bayaran Balik Pinjaman Kerajaan Persekutuan serta Bayaran Amanah berjumlah RM0.71 juta.

PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Akaun Memorandum

Akaun Memorandum ialah akaun yang menunjukkan Aset dan Liabiliti Kerajaan Negeri yang tidak ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Aset terdiri daripada Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan manakala Liabiliti pula adalah hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

ASET

Pinjaman Boleh Di Tuntut

Baki Pinjaman Boleh Dituntut bagi pinjaman-pinjaman yang telah dikeluarkan sehingga 31 Disember 2024 adalah berjumlah RM182.08 juta berbanding RM182.51 juta pada tahun 2023.

Butir-butir terperinci Pinjaman Boleh Dituntut daripada agensi boleh dirujuk dalam Lampiran 3.

Pelaburan

Pada tahun 2024, Pelaburan Kerajaan Negeri adalah terdiri daripada Pelaburan Saham dari Kumpulan Wang Disatukan dan Pelaburan Saham dan Pengurus Dana dari Kumpulan Wang Pelaburan Negeri berjumlah RM111.47 juta. Butiran lanjut boleh dirujuk di Nota 8(b) Nota Kepada Penyata Kewangan dan Lampiran 4 Penyata Akaun Memorandum.

Akaun Belum Terima

Akaun Belum Terima menunjukkan jumlah tunggakan hasil Kerajaan Negeri pada akhir tahun kewangan. Pada akhir tahun 2024, tunggakan hasil adalah RM380.70 juta iaitu, meningkat sebanyak RM192.96 juta iaitu 102.78% dari amaun tahun 2023 yang berjumlah RM187.74 juta.

Butiran lanjut ditunjukkan di Lampiran 6.


LIABILITI

Hutang Awam Negeri

Baki Hutang Awam Negeri yang belum diselesaikan pada tahun 2024 berjumlah RM154.55 juta, berbanding RM159.75 juta pada akhir tahun 2023 iaitu menurun sebanyak RM5.20 juta. Pada tahun 2024, bayaran balik pinjaman yang telah dibuat kepada Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM5.20 juta.

Butiran lanjut ditunjukkan di Lampiran 5.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI PERAK
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2024 Kerajaan Negeri Perak, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan serta Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 2 hingga 23.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perak pada 31 Disember 2024 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Negeri Perak dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Pegawai Kewangan Negeri, Kerajaan Negeri Perak bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Penyata Kewangan

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting). Pegawai Kewangan Negeri juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak, Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kerajaan Negeri Perak untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kerajaan Negeri Perak;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pegawai Kewangan Negeri;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kerajaan Negeri Perak sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit; dan
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.


Pegawai Kewangan Negeri telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Hal-hal Lain

Kerajaan Negeri Perak perlu memberi perhatian terhadap perkara berikut:

- a. Memastikan tindakan segera diambil terhadap isu pembayaran tidak teratur di bawah Arahan Perbendaharaan 59 bagi Projek Ternakan Baka Penjantan dan Baka Induk Betina Kambing Tenusu Saanen Tulen Bersertifikasi Diimport dari Australia (SMART-DG) berjumlah RM363,200. Selain itu, tindakan sewajarnya perlu diambil terhadap pegawai bertanggungjawab yang terlibat.
- b. Kaedah perekodan kutipan hasil keluaran hutan perlu diperkukuh bagi memastikan hasil hutan diakaunkan dalam tempoh yang sewajarnya dan pelaporan penyata kewangan betul dan tepat.

Sijil ini disediakan selaras dengan Fasal (1) Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATO' SERI WAN SURAYA WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA

22 JULAI 2025



PENYATA KEWANGAN



PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI DAN BENDAHARI NEGERI

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perak dan Nota Kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan (PPK) dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting Under The Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri Perak.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota Kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2024.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2024.



YB DATO' MOHD ZAKI BIN MAHYUDIN
Pegawai Kewangan Negeri Perak
28 Februari 2025



MEGAT AMIRUL ZAINI JAMALULLAIL BIN MEGAT JAMALUDDIN
Bendahari Negeri Perak
28 Februari 2025

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN pada 31 Disember 2024

	Nota	2024 RM	2023 RM
WANG AWAM			
WANG TUNAI	3	586,003,288.61	536,444,983.73
PELABURAN	4	936,374,197.57	916,374,197.57
		1,522,377,486.18	1,452,819,181.30
DIPEGANG BAGI:			
KUMPULAN WANG DISATUKAN			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	670,660,110.96	625,042,272.72
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	0.00	0.00
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	851,717,375.22	827,776,908.58
		1,522,377,486.18	1,452,819,181.30

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI bagi tahun berakhir 31 Disember 2024

	Nota	2024		2023	
		RM	RM	RM	RM
TERIMAAN					
Hasil	5				
Hasil Cukai		577,727,536.77		560,023,340.82	
Hasil Bukan Cukai		527,434,085.20		451,222,371.75	
Terimaan Bukan Hasil		<u>227,059,916.82</u>	1,332,221,538.79	<u>202,446,104.26</u>	1,213,691,816.83
Pinjaman	6				
Dalam Negeri		<u>0.00</u>	0.00	<u>0.00</u>	0.00
Terimaan Modal	4,7				
Jualan Instrumen Kewangan		0.00		0.00	
Pelbagai Terimaan Modal		<u>47,209,405.00</u>	47,209,405.00	<u>49,858,457.76</u>	49,858,457.76
Terimaan Lain	7				
Terimaan Amanah		0.00	0.00	44,565,044.20	44,565,044.20
Jumlah Terimaan			1,379,430,943.79		1,308,115,318.79
BAYARAN					
Perbelanjaan Mengurus	5				
Emolumen		(417,651,262.39)		(413,999,989.59)	
Perkhidmatan dan Bekalan		(298,137,334.18)		(279,166,273.26)	
Aset		(12,539,320.74)		(16,557,339.15)	
Pemberian dan Kenaan					
Bayaran Tetap		(107,956,736.39)		(84,747,047.36)	
Perbelanjaan Lain		<u>(6,119,046.85)</u>	(842,403,700.55)	<u>(5,950,545.40)</u>	(800,421,194.76)
Perbelanjaan Pembangunan	7				
Langsung		<u>(461,562,558.57)</u>	(461,562,558.57)	<u>(372,039,595.70)</u>	(372,039,595.70)
Perbelanjaan Modal	4				
Pembelian Instrumen Kewangan		<u>(20,000,000.00)</u>	(20,000,000.00)	<u>0.00</u>	0.00
Bayaran Balik Pinjaman	6				
Pinjaman Dalam Negeri		(5,200,000.00)		(5,200,000.00)	
Pinjaman kepada Agensi / Pindahan Kepada Akaun Amanah		<u>0.00</u>	(5,200,000.00)	<u>0.00</u>	(5,200,000.00)
Bayaran Lain	7				
Bayaran Amanah		<u>(706,379.79)</u>	(706,379.79)	<u>0.00</u>	0.00
Jumlah Bayaran			(1,329,872,638.91)		(1,177,660,790.46)
Tambahan / (Kurangan) Wang Tunai			49,558,304.88		130,454,528.33
Wang Tunai Pada 31 Disember 2023			536,444,983.73		405,990,455.40
WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER 2024			586,003,288.61		536,444,983.73

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN bagi tahun berakhir 31 Disember 2024

	Nota	2024		2023
		Anggaran	Sebenar	Sebenar
		RM	RM	RM
HASIL	5	1,242,500,000.00	1,332,221,538.79	1,213,691,816.83
<u>Tolak:</u>				
Belanja Mengurus	5	856,000,000.00	847,603,700.55	805,621,194.76
LEBIHAN / (KURANGAN) HASIL		386,500,000.00	484,617,838.24	408,070,622.07
<u>Tolak:</u>				
Belanja Pembangunan	7	482,984,980.76	461,562,558.57	372,039,595.70
LEBIHAN / (KURANGAN) KESELURUHAN		(96,484,980.76)	23,055,279.67	36,031,026.37
KURANGAN DIBIYAI OLEH:				
Pinjaman	6		0.00	0.00
Pelbagai Terimaan Modal	4,7		47,209,405.00	49,858,457.76
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	3,4,7		(70,264,684.67)	(85,889,484.13)
JUMLAH PEMBIAYAAN			(23,055,279.67)	(36,031,026.37)

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

PENYATA AKAUN MEMORANDUM pada 31 Disember 2024

	Nota	2024	2023
		RM	RM
MEMORANDUM ASET			
Pinjaman Boleh Dituntut	8	182,081,728.58	182,513,677.03
Pelaburan	8	111,467,340.18	111,467,340.18
MEMORANDUM LIABILITI			
Hutang Awam	9	154,554,293.90	159,754,293.90

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN bagi tahun berakhir 31 Disember 2024

DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan Penyata Kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.
- b) Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:
 - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah, dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.
 - ii) Perkara LV11 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak memperuntukkan mengenai pengeluaran wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri.
 - iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
- c) Kerajaan Negeri mengamalkan asas Perakaunan Tunai Ubahsuai. Semua urusan niaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperolehi dengan pengubahsuaian seperti berikut:
 - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa.
 - ii) Terimaan Wang Tunai yang belum dibankkan dan Wang Tunai Dalam Bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan Wang Tunai Dalam Perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa.
 - iii) Mengakaunkan urusan niaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, Untung Rugi Pelaburan, Hapuskira Pinjaman Amanah, Penukaran Pinjaman Kepada Ekuiti dan seumpamanya.
- d) Entiti perakaunan terdiri daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri.
- e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh 12 bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
- f) Mata wang yang digunakan dalam penyata kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM). Urusniaga yang melibatkan mata wang asing telah ditukar kepada nilai setara RM berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia atau Jabatan Akauntan Negara Malaysia mengikut polisi yang ditetapkan.
- g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
- h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.

2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disediakan mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS) - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut:

- a) Penyata Kedudukan Kewangan
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- c) Penyata Prestasi Kewangan
- d) Penyata Akaun Memorandum
- e) Nota Kepada Penyata Kewangan

3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan Wang Tunai yang belum dibankkan dan Wang Tunai Dalam Bank yang belum diambil kira dalam buku tunai Perbendaharaan Negeri pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit dan Panjar Khas.

Wang Tunai pada 31 Disember 2024 adalah seperti berikut:

Perihal	2024	2023
	RM	RM
Wang Tunai Dalam Bank	584,701,288.61	535,142,983.73
Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.00	0.00
Wang Tunai Dalam Tangan	1,302,000.00	1,302,000.00
JUMLAH WANG TUNAI	586,003,288.61	536,444,983.73

4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am yang dinyatakan pada nilai buku.

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah ialah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan arahan amanah Seksyen 9 dan surat cara amanah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) serta peraturan yang berkuatkuasa. Pelaburan Am ialah semua pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah.

Pelaburan pada 31 Disember 2024 adalah seperti berikut:

Perihal	2024		2023	
	Nilai Buku		Nilai Buku	
	RM	RM	RM	RM
	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	Pelaburan Am	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	Pelaburan Am
Saham	1,693,142.61	34,774,197.57	1,693,142.61	34,774,197.57
Pengurus Dana	75,000,000.00	0.00	75,000,000.00	0.00
Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi 3 - 12 bulan	18,419,200.00	883,180,800.00	16,800,000.00	864,800,000.00
JUMLAH	95,112,342.61	917,954,997.57	93,493,142.61	899,574,197.57

Di Penyata Kedudukan Kewangan, Pelaburan Negeri berjumlah RM936,374,197.57 untuk tahun 2024 terdiri daripada Saham dan Deposit Jangka Pendek.

Perihal	2024	2023
	Nilai Buku	Nilai Buku
	RM	RM
Saham	34,774,197.57	34,774,197.57
Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi 3 - 12 bulan - Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	18,419,200.00	16,800,000.00
Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi 3 - 12 bulan - Pelaburan Am	883,180,800.00	864,800,000.00
JUMLAH PELABURAN	936,374,197.57	916,374,197.57

5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaunkan urusniaga terimaan Hasil dan Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Lebihan dari Akaun Hasil Disatukan RM439,000,000.00 telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan.

Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2024 adalah seperti berikut:

Perihal	Anggaran RM	2024 Sebenar		2023 Sebenar	
		RM	% Anggaran	RM	% Anggaran
BAKI PADA 1 JANUARI		625,042,272.72		562,614,650.65	
HASIL					
Hasil Cukai	657,680,400.00	577,727,536.77	87.84	560,023,340.82	101.97
Hasil Bukan Cukai	392,209,000.00	527,434,085.20	134.48	451,222,371.75	114.53
Terimaan Bukan Hasil	192,610,600.00	227,059,916.82	117.89	202,446,104.26	106.28
Jumlah Hasil	1,242,500,000.00	1,332,221,538.79	107.22	1,213,691,816.83	107.06
PERBELANJAAN MENGURUS					
Emolumen	419,137,424.29	417,651,262.39	99.65	413,999,989.59	99.51
Perkhidmatan dan Bekalan	301,482,083.45	298,137,334.18	98.89	279,166,273.26	99.58
Aset	12,788,908.59	12,539,320.74	98.05	16,557,339.15	98.71
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	116,471,737.51	113,156,736.39	97.15	89,947,047.36	91.01
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	6,119,846.16	6,119,046.85	99.99	5,950,545.40	99.26
Perbelanjaan Mengurus (sebelum pindahan)	856,000,000.00	847,603,700.55	99.02	805,621,194.76	98.49
Pindahan Lebihan Hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan	454,000,000.00	439,000,000.00	96.70	345,643,000.00	100.00
Jumlah Perbelanjaan Mengurus (selepas pindahan)	1,310,000,000.00	1,286,603,700.55	98.21	1,151,264,194.76	98.94
Lebihan / (Kurangan) Bagi Tahun	(67,500,000.00)	45,617,838.24		62,427,622.07	
BAKI PADA 31 DISEMBER		670,660,110.96		625,042,272.72	

Nota:

- (1) Anggaran dan Sebenar Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap tidak termasuk caruman ke Kumpulan Wang Pembangunan.

(a) Hasil

Hasil diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil Disatukan kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang.

Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2024 adalah seperti berikut:

Perihal	Anggaran Asal	2024			2023	
		Anggaran Disemak	Sebenar		Sebenar	
			RM	% Anggaran	RM	% Anggaran
HASIL CUKAI						
Cukai Tanah	477,060,500.00	477,060,500.00	381,734,687.99	80.02	372,662,877.13	94.91
Cukai Parit dan Tali Air	870,318.00	870,318.00	534,058.48	61.36	505,322.47	58.06
Cukai Keluaran Hutan	20,169,582.00	20,169,582.00	8,783,666.57	43.55	14,579,824.06	68.65
Royalti	150,000,000.00	150,000,000.00	175,628,774.21	117.09	160,046,201.38	123.11
Levi Pindah Milik	1,880,000.00	1,880,000.00	1,736,078.51	92.34	1,931,267.74	167.94
Cukai Hiburan	7,700,000.00	7,700,000.00	9,310,271.01	120.91	10,297,848.04	312.06
Jumlah Hasil Cukai	657,680,400.00	657,680,400.00	577,727,536.77	87.84	560,023,340.82	101.97
HASIL BUKAN CUKAI						
Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit	65,916,504.00	65,916,504.00	48,151,723.72	73.05	57,822,634.54	129.93
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	67,680,084.00	67,680,084.00	82,828,277.05	122.38	91,952,098.34	177.95
Jualan Barang-barang	197,084,020.00	197,084,020.00	308,009,456.36	156.28	221,242,309.08	90.34
Sewaan	3,122,617.00	3,122,617.00	6,148,585.65	196.90	6,425,260.67	105.95
Keuntungan Pembiayaan dan Perolehan Pelaburan	46,692,600.00	46,692,600.00	71,342,920.09	152.79	64,869,453.76	179.06
Denda, Rampasan dan Hukuman	11,613,175.00	11,613,175.00	10,853,122.33	93.46	8,810,615.36	83.83
Sumbangan	100,000.00	100,000.00	100,000.00	100.00	100,000.00	100.00
Jumlah Hasil Bukan Cukai	392,209,000.00	392,209,000.00	527,434,085.20	134.48	451,222,371.75	114.53
TERIMAAN BUKAN HASIL						
Pemberian Pelancongan Pulangan Balik	6,993.00	6,993.00	836,004.00	11,954.87	26,111.00	2.88
Perbelanjaan Terimaan daripada Agensi Kerajaan yang Lain	381,340.00	381,340.00	15,027,155.70	3,940.62	4,659,656.57	1,379.77
Lain-Lain Terimaan atau Sumbangan	135,212,267.00	135,212,267.00	159,901,134.60	118.26	149,145,322.89	104.12
	57,010,000.00	57,010,000.00	51,295,622.52	89.98	48,615,013.80	105.68
Jumlah Terimaan Bukan Hasil	192,610,600.00	192,610,600.00	227,059,916.82	117.89	202,446,104.26	106.28
JUMLAH HASIL	1,242,500,000.00	1,242,500,000.00	1,332,221,538.79	107.22	1,213,691,816.83	107.06

(b) Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan seperti Emolumen, Perkhidmatan dan Bekalan, Aset, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap dan Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain.

Perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan mengikut undang-undang Persekutuan selaras dengan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan bagi Maksud Bekalan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan berdasarkan kelulusan Dewan Undangan Negeri selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2024 adalah seperti berikut:

Maksud Perbelanjaan	2024			
	Anggaran Asal	Anggaran Dipinda	Sebenar	% Anggaran
	RM	RM	RM	
PERBELANJAAN TANGGUNGAN				
T. 01 Peruntukan Diraja Bagi DYMM Sultan	14,883,200.00	14,883,200.00	14,883,200.00	100.00
T. 02 Speaker	355,600.00	355,600.00	333,600.00	93.81
T. 03 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri	270,000.00	270,000.00	269,999.97	100.00
T. 04 Pejabat Kewangan Negeri	5,200,000.00	5,200,000.00	5,200,000.00	100.00
T. 05 Pencen / Elaun dan Ganjaran	14,491,200.00	14,491,200.00	13,876,229.49	95.76
Jumlah Perbelanjaan Tanggungan	35,200,000.00	35,200,000.00	34,563,029.46	98.19
PERBELANJAAN BEKALAN				
B. 01 Dewan Negeri	22,125,800.00	22,125,800.00	22,125,183.96	100.00
B. 02 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri	1,581,600.00	1,581,600.00	1,581,600.00	100.00
B. 03 Raja-Raja dan Orang Besar Jajahan	5,722,700.00	5,722,700.00	5,494,338.88	96.01
B. 04 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	77,023,100.00	77,023,100.00	76,733,289.96	99.62
B. 05 Pejabat Daerah dan Tanah Batang Padang	7,954,800.00	7,954,800.00	7,953,805.59	99.99
B. 06 Pejabat Daerah dan Tanah Manjung	9,330,600.00	9,330,600.00	9,330,600.00	100.00
B. 07 Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak	9,603,100.00	9,603,100.00	9,601,494.52	99.98
B. 08 Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Perak	12,004,000.00	12,004,000.00	12,002,206.85	99.99
B. 09 Pejabat Daerah dan Tanah Kinta	17,492,500.00	17,492,500.00	17,419,369.49	99.58
B. 10 Pejabat Daerah dan Tanah Kerian	8,047,000.00	8,047,000.00	8,026,476.67	99.74
B. 11 Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Kangsar	12,226,500.00	12,226,500.00	12,161,997.07	99.47
B. 12 Pejabat Daerah dan Tanah Larut, Matang dan Selama	13,823,100.00	13,823,100.00	13,803,502.46	99.86
B. 13 Pejabat Daerah dan Tanah Perak Tengah	13,060,300.00	13,060,300.00	13,050,416.11	99.92
B. 14 Pejabat Daerah dan Tanah Kampar	6,225,500.00	6,225,500.00	6,223,048.88	99.96
B. 15 Pejabat Daerah dan Tanah Muallim	5,731,700.00	5,731,700.00	5,721,738.77	99.83
B. 16 Pejabat Daerah dan Tanah Bagan Datuk	4,682,800.00	4,682,800.00	4,678,978.00	99.92
B. 17 Pejabat Pengarah Tanah dan Galian	19,404,900.00	19,404,900.00	19,404,900.00	100.00
B. 18 Jabatan Agama Islam Perak	95,731,300.00	95,731,300.00	94,760,344.89	98.99

(disambung)

(sambungan)

Maksud Perbelanjaan	2024			
	Anggaran Asal	Anggaran Dipinda	Sebenar	% Anggaran
	RM	RM	RM	
PERBELANJAAN BEKALAN (samb.)				
B. 19 Jabatan Pendakwa Syariah	2,169,300.00	2,169,300.00	2,169,055.70	99.99
B. 20 Jabatan Mufti	3,856,900.00	3,856,900.00	3,856,364.53	99.99
B. 21 Jabatan Kehakiman Syariah	15,110,600.00	15,110,600.00	14,999,764.86	99.27
B. 22 Pencen Siasah dan Saraan Rahim	274,700.00	274,700.00	274,680.00	99.99
B. 23 Jabatan Pertanian	25,269,800.00	25,269,800.00	25,267,046.22	99.99
B. 24 Jabatan Pengairan dan Saliran	104,364,700.00	104,364,700.00	104,292,657.11	99.93
B. 25 Jabatan Perhutanan	41,324,000.00	41,324,000.00	40,894,205.70	98.96
B. 26 Jabatan Perkhidmatan Veterinar	19,586,600.00	19,586,600.00	19,580,005.04	99.97
B. 27 Jabatan Kerja Raya	88,097,200.00	88,097,200.00	88,083,349.63	99.98
B. 28 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa	6,956,200.00	6,956,200.00	6,778,720.93	97.45
B. 29 Jabatan Kebajikan Masyarakat	42,795,900.00	42,795,900.00	40,467,384.41	94.56
B. 30 Jabatan Mineral dan Geosains	788,400.00	788,400.00	788,400.00	100.00
B. 31 Pejabat Kewangan Negeri	7,857,000.00	7,857,000.00	7,854,615.97	99.97
B. 32 Pelbagai Perkhidmatan Am	119,577,400.00	119,577,400.00	116,661,128.89	97.56
B. 33 Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun	455,000,000.00	455,000,000.00	440,000,000.00	96.70
Jumlah Perbelanjaan Bekalan	1,274,800,000.00	1,274,800,000.00	1,252,040,671.09	98.21
PERBELANJAAN MENGURUS (sebelum caruman)	856,000,000.00	856,000,000.00	847,603,700.55	99.02
CARUMAN KE KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	454,000,000.00	454,000,000.00	439,000,000.00	96.70
PERBELANJAAN MENGURUS (selepas caruman)	1,310,000,000.00	1,310,000,000.00	1,286,603,700.55	98.21

Maklumat terperinci Perbelanjaan Mengurus dapat dirujuk di Lampiran 1 - Penyata Perbelanjaan Mengurus bagi tahun berakhir 31 Disember 2024.

6. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan mengakaunkan semua terimaan dan bayaran balik pinjaman di bawah kuasa undang-undang Persekutuan.

